

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
(SEKIJANG)**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

**PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL (SEKIJANG) minta MENTERI
KANAN PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) harga, jumlah dan syarikat pembekal RTK-Antigen yang akan diedarkan kepada semua sekolah di seluruh negara ; dan
- (b) sejauh mana kekerapan murid-murid dan guru perlu menjalani ujian saringan COVID-19 dengan menggunakan kaedah RTK-Antigen ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat perolehan sebanyak 800,000 unit kit ujian saringan sendiri COVID-19 dengan kos keseluruhan berjumlah RM9.72 juta. Kit ujian ini dibekalkan oleh Syarikat Tree Med Sdn. Bhd., Syarikat Neoscience Sdn. Bhd. dan Syarikat Global Science Sdn. Bhd. Semua kit ujian saringan sendiri COVID-19 ini telah diedarkan ke semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) pada 25 September 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi murid yang kembali ke sekolah asrama sepenuhnya, mereka perlu menjalani ujian saringan COVID-19 dengan menggunakan kit ujian sendiri COVID-19 sebanyak 3 kali, iaitu semasa pendaftaran masuk, hari ke-6 dan hari ke-14 berada di asrama. Bagi murid asrama harian pula, ujian saringan COVID-19 menggunakan kit ujian sendiri akan dilaksanakan semasa pendaftaran masuk. Selain itu, kit ujian sendiri disediakan bagi kegunaan sekolah harian untuk membuat saringan awal sekiranya terdapat murid yang menunjukkan gejala ketika di sekolah.

Pembekalan kit ujian saringan sendiri COVID-19 ini hanya untuk kegunaan murid sahaja dan bukan untuk kegunaan guru. Bagi guru yang telah lengkap divaksin, mereka tidak perlu menjalani ujian saringan COVID-19. Manakala, bagi guru yang tidak lengkap atau menolak vaksin, guru tersebut perlu hadir ke sekolah dan memastikan agar:

- i) garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh KPM dipatuhi;
- ii) sentiasa memakai pelitup muka berganda dan pelindung muka;
- iii) tidak dibenarkan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka; dan
- iv) tidak berada di bilik atau kawasan yang sama dengan murid atau warga sekolah yang telah menerima vaksin lengkap.